

**TEKS UCAPAN**

**BRIG. JEN. DATUK PROF DR KAMARUDDIN HUSSIN**

**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

**SEMPENA**

**MAJLIS SANTAPAN MALAM SEMPENA PENGANUGERAHAN IJAZAH**

**KEHORMAT DOKTOR PERSURATAN**

**KEPADА BAPAK DAHLAN ISKAN**

**PADA 24 APRIL 2014, DEWAN MES POLIS KANGAR**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**Salam Perlis, Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju** dan

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP.**

**SALUTATION DIRAJA**

Mengadap Raja Perlis, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, dan Raja Perempuan Perlis, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tengku Fauziah Binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid.

Ampun Tuanku.

Patik bagi pihak majlis menjunjung kasih atas limpah perkenan tuanku berdua, bercemar duli berangkat hadir ke Majlis Santapan malam bersempena penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan kepada Yang Terhormat Bapak Dahlan Iskan pada malam ini.

Sesungguhnya, patik dan sekalian warga UniMAP berbesar hati menerima perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Berdua untuk bersama-sama meraikan Yang Terhormat Bapak Dahlan Iskan pada malam ini. Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Berdua nyata menambah seri majlis patik sekalian pada malam ini.

Tiada kata-kata yang dapat patik nyatakan untuk menggambarkan betapa syukur dan gembiranya patik-patik sekalian menyambut keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berdua pada malam yang penuh sejarah ini.

Ampun Tuanku,

Patik juga merafak sembah menjunjung kasih atas keberangkatan Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Tuanku Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Pro-Canselor UniMAP kerana sudi bercemar duli menghadiri majlis pada malam ini.

Kehadiran Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua merupakan bukti keprihatinan dan sokongan berterusan dalam perkembangan UniMAP keseluruhannya.

Ampun Tuanku,

Patik bagi pihak majlis mohon ampuni limpah perkenan tuanku untuk diteruskan aturcara majlis.

Ampun Tuanku

## **SALUTASI**

**Yang Amat Berbahagia, Puan Nor Aswana Omar**, Isteri kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis.

**Yang Terhormat, Bapak Dahlan Iskan**, Menteri Badan Usaha Milik Negara Indonesia, Penerima Ijzah Kehormat Doktor Persuratan UniMAP dan Isteri.

**Yang Berhormat, Tuan Haji Hamdan Bahari**, Spekaer Dewan Undangan Negeri Perlis dan isteri

Yang Berhormat Ahli – ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli – ahli Yang Berhormat serta Isteri

**Yang Berhormat Datuk Shah Headan Ayoob Hussain Shah**, Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis

**Yang Dihormati SAC Datuk Zul Aznam Haron**, Ketua Polis Perlis

**Yang Berbahagia Datuk Yusof Jusoh**, Pengurus Eksekutif Proven Holdings Bhd. merangkap Profesor Adjung UniMAP

Dif-Dif Kehormat

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berbahagia Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan Perlis

Pegawai-Pegawai Utama Universiti, Dekan-Dekan, Ketua-Ketua Jabatan

Wakil-wakil media, seterusnya hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Ilahi dengan berkat dan limpah kurnianya dapatlah kita sama-sama berkumpul dalam majlis penuh sejarah bagi meraikan tetamu kehormat kita, Yang Terhormat, Bapak Dahlan Iskan yang merupakan Menteri Badan Usaha Milik Negara di Indonesia pada malam ini.
2. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan serta terima kasih atas kesudian Bapak Dahlan menerima penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dari UniMAP petang tadi. Meskipun sibuk dengan situasi pilihanraya dan pemilihan Presiden di Inodonesia pada ketika ini, namun kesudian Bapak Dahlan melapangkan masa amat kami hargai.
3. Jika diungkap sejarah perhubungan antara Bapak Dahlan dan UniMAP, ianya tercetus sekitar bulan September tahun lalu apabila UniMAP dengan perkenan DYTM Tuanku Canselor, melantik Bapak Dahlan Iskan sebagai Profesor Tamu di UniMAP dalam satu majlis gilang gemilang di Jakarta.
4. Saya masih ingat lagi, dalam ucapan Bapak Dahlan ketika itu yang menyatakan yang sebelum ini beliau banyak menerima tawaran dari pelbagai institusi dan universitas tetapi semuanya ditolak dengan baik, namun apabila UniMAP mengusulkan pelantikan Profesor, Bapak Dahlan menerimanya dengan hati terbuka dan katanya “*Bagaikan ada*

*pertalian batin antara UniMAP dan beliau” menyebabkan beliau dengan mudah menerima pelantikan tersebut.*

5. Dan hari ini, hubungan antara UniMAP dan Bapak Dahlan Iskan dieratkan lagi menerusi penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan. Semoga dengan penganugerahan ini bakal menguntumkan lebih banyak jalinan kerjasama antara UniMAP di Perlis, Malaysia dengan Jakarta, Indonesia.
6. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran semua tetamu yang hadir pada malam ini. Semoga pertemuan kali ini bukanlah yang terakhir untuk kita, sebaliknya diberikan peluang untuk pertemuan di masa akan datang.

#### **QS STARS – TIGA BINTANG**

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. Baru-baru ini, hasil audit yang dijalankan oleh QS Intelligence Unit United Kingdom, UniMAP telah diberikan penarafan tiga bintang yang menjadikannya satu-satunya IPTA di Malaysia yang menerima penarafan tersebut. Jika dilihat pada definisi 3 bintang ini – ianya merujuk kepada sesebuah institusi pengajian tinggi yang mempunyai sejarah penubuhan yang panjang iaitu melebihi 20 tahun dengan rangkaian kerjasama yang hebat di persada dunia.
8. Secara lojiknya, UniMAP yang baru berusia tujuh tahun penubuhannya (Dengan tidak mengambilkira tempoh kewujudan KUKUM) kita tidak mungkin mencapai tahap ini sekiranya kita tidak benar-benar hebat dan layak.

9. Justeru, saya amat bersyukur dan berbangga dengan pencapaian ini dan berharap ianya akan menjadi titik tolak kecemerlangan UniMAP di masa akan datang. Justeru adalah penting untuk UniMAP terus merangka strategi dan inisiatif berkesan khusus untuk menyerlahkan lagi keterlihatan UniMAP di persada antarabangsa.

#### **PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT**

10. UniMAP sebagai sebuah universiti ke-17 yang ditubuhkan dengan teras utama kejuruteraan, senantiasa mengkaji pelbagai ruang dan peluang untuk menawarkan pengajian dalam pelbagai bidang lainnya dalam usaha memberikan peluang dan kesamarataan kepada pelajar-pelajar dari pelbagai aliran untuk menyertai kami di UniMAP.

11. Selaras dengan itu, pada tahun 2009 yang lalu, UniMAP memperkenalkan program pengajian perniagaan yang turut diadunkan dengan aspek teknologi melalui penawaran dua program iaitu Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Antarabangsa dan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Kejuruteraan. Dan kini, mulai sidang akademik tahun 2014/2015, UniMAP bakal menawarkan program pengajian Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu menerusi Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (IKOM).

12. UniMAP melihat aspek komunikasi dan media, merupakan antara komponen penting penyaluran maklumat kepada masyarakat, dan jika dahulunya ia didominasi oleh media cetak dan elektronik, namun di penghujung abad ke-20, media baharu mula mengambil alih medium komunikasi tersebut. Media baharu digambarkan sebagai satu medium bagi mencakupi kemunculan digital, komputer, atau jaringan teknologi informasi dan komunikasi di akhir abad ke-20. Sebahagian besar teknologi yang digambarkan sebagai ‘media baru’ adalah digital, dan

seringkali memiliki karakteristik bersifat jaringan, padat, mampat dan interaktif. Beberapa contoh antaranya adalah seperti internet, website, blog, facebook, computer dan multimedia.

13. Maka, sejajar dengan perkembangan masa, penawaran kursus Komunikasi Media Baharu ini dilihat amat penting bagi mendedahkan generasi muda tentang penggunaan dan peranannya dalam konteks positif.
14. Justeru, dengan kepakaran yang dimiliki oleh Bapak Dahlan Iskan terutama dalam bidang keusahawanan, kewartawan dan sains menjadi teras utama mengapa beliau dipilih dan UniMAP amat mengharapkan kepakaran dan kemahiran yang dimilikinya untuk dijadikan panduan dan perkongsian ilmu dengan anak-anak didik UniMAP lainnya.
15. Pelantikan ini bagi UniMAP amat perlu kerana pengalaman yang dimiliki oleh tokoh tersebut terutama dalam memartabatkan Jawa Post Network sebagai antara gergasi media di Indonesia akan seterusnya dapat disalurkan kepada anak-anak pelajar di UniMAP.
16. Apatah lagi, program ini dirangka khusus untuk menghasilkan graduan yang mempunyai pengetahuan serta kemahiran dalam komunikasi, media baharu dan pengurusan yang berdaya saing, inovatif dan kreatif selaras dengan keperluan industri.
17. Sebagaimana semangat Bapak Dahlan memartabatkan Jawa Post News Network, begitulah juga menggunung harapan kami untuk melihat program Komunikasi Media Baharu ini mampu melonjakkan lagi keterlihatan UniMAP di persada Institusi Pengajian Tinggi negara.
18. Dalam erti kata lain, UniMAP berhasrat untuk menjadi satu gedung yang bukan sahaja menyampaikan ilmu tetapi paling penting

adalah mengumpulkan ilmu-ilmu yang ada di seluruh universiti untuk disampaikan kepada masyarakat di Malaysia dan di seluruh dunia melalui medium komunikasi.

19. Maka atas dasar itulah, program ini diadun dengan pelbagai teras antaranya komunikasi yang bakal menawarkan ilmu berkaitan perhubungan awam, pengurusan acara, komunikasi interpersonal selain teras media baharu yang akan diterjemahkan menerusi ilmu grafik, digital, animasi dan rekaan web. Tidak ketinggalan, teras pengurusan akan turut diterapkan kepada pelajar-pelajar Komunikasi Media Baharu ini.

## **PENUTUP**

Hadirin dan Hadirat sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada malam ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada malam ini.

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata, patik mewakili seluruh warga UniMAP sekali lagi ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga ke bawah Duli Duli Tuanku kerana telah sudi bercemar duli berangkat ke Majlis Santapan Malam sempena Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan kepada Yang Terhormat Profesor Dr. Dahlan Iskan pada malam ini.

**Dirgahayu Tuanku, Dirgahayu Tuanku, Dirgahayu Tuanku.** Patik sudahi dengan Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.